

14 APR 2002

Mahathir-Puteri

SAYA MENARUH HARAPAN TINGGI TERHADAP PUTERI UMNO, KATA DR MAHATHIR

BANGI, 14 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau menaruh harapan tinggi terhadap Puteri Umno Malaysia dalam memastikan kemenangan Barisan Nasional pada pilihan raya umum akan datang termasuk usaha menakluki semula Kelantan dan Terengganu.

Perdana Menteri berkata adalah jelas Puteri Umno mampu memenangi hati banyak pengundi.

"Peranan Puteri adalah besar dan saya harap Puteri akan berusaha sebagaimana ia lakukan pada (pilihan raya kecil) Ketari baru-baru ini dan juga di kawasan-kawasan lain," katanya pada sesi soal jawab ketika menutup Kursus Perdana Generasi Wanita Prihatin anjuran pergerakan itu di sini hari ini.

Beliau berkata mereka tidak harus takut kepada parti lawan dan sebaliknya menyusun strategi untuk menyerang kerana "attack is the best form of defence".

Dr Mahathir berkata beliau sendiri dilemparkan dengan pelbagai tohmahan tetapi seorang ahli politik itu perlu mempunyai "kulit tebal" dalam menghadapi serangan pihak lawan.

Ketika menjawab pertanyaan lain, beliau berkata usaha berterusan perlu dibuat untuk membersihkan Umno daripada elemen negatif.

Dr Mahathir berkata beliau kesal kerana ada yang menyertai parti itu dengan harapan untuk mendapat habuan tertentu tanpa menjiwai tujuan sebenar perjuangan parti untuk meningkatkan martabat orang Melayu.

"Saya sedih bila ada yang berkata 'Saya tak dapat apa-apapun walaupun sudah 20 tahun berada dalam Umno'," katanya.

Kepada soalan tentang eksploitasi perkataan "Islam", Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus berusaha menerangkan kepada rakyat bahawa parti PAS yang menggunakan perkataan itu pada namanya bukanlah parti Islam yang sebenar.

"Bagaimanapun, banyak yang telah sedar bahawa PAS itu bukan Islam dan Islam itu bukan PAS," katanya.

Mengenai sesetengah penuntut yang menentang kerajaan walaupun mendapat peluang pendidikan dan biasiswa daripada kerajaan, Dr Mahathir berkata tentulah kerajaan tidak menyukai sikap mereka yang "menggigit tangan" orang yang memberikan bantuan.

Menurutnya, kerajaan memberikan banyak tumpuan terhadap pendidikan seperti yang terbukti dengan peratusan perbelanjaan tahunan untuk bidang itu yang mencecah 20 peratus.

"Tapi ada yang maki hamun kerajaan. Apabila tangan orang yang membantu itu digigit, sudah tentu kita tak suka kelakuan semacam itu," katanya.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata beliau yakin Malaysia akan menjadi negara maju menjelang tahun 2020 tetapi pada masa yang sama khuatir mengenai kemampuan bangsa Melayu untuk muncul sebagai bangsa yang maju.

Bagaimanapun, perdana menteri berkata dengan memiliki nilai-nilai dan budaya yang sesuai dengan kemajuan, orang Melayu juga mampu mencapai tahap kemajuan yang diinginkan.

-- BERNAMA

MAM MAM FAZ